

Kerajaan tidak halang Nur Fitri lanjut pengajian di UKM

ALOR SETAR 24 Ogos - Kerajaan tidak akan menghalang pelajar, Nur Fitri Azmeer Nordin yang pernah didapati bersalah memiliki lebih 30,000 imej dan video lucah kanak-kanak di London pada 2015 untuk melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, pihaknya akan terus memantau perlakuan pelajar yang dianggap genius Matematik itu bagi mengelak keresahan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, kerajaan perlu bersikap adil kepada semua pihak berikutan Nur Fitri sudah pun menjalani hukumannya sebelum ini.

"Dalam hal ini kita perlu melihat kepentingan kedua-dua pihak dan dia (Nur Fitri) sudah pun menjalani hukuman. Ini memang lumrah untuk masyarakat untuk bimbang berdasarkan kesalahan yang dilakukannya sebelum ini.

"Walaupun tiada masalah untuknya menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi, kita tetap terus memantau perlakuannya itu sama ada dia masih lagi berkelakuan seperti

itu atau tidak.

"Kita juga mahu menjaga keselamatan anak kita supaya tidak menjadi mangsa dalam hal ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Santuni Rakyat peringkat negeri Kedah di Aman Central, di sini hari ini.

Pada Mei 2015, Nur Fitri yang melanjutkan pelajaran di Imperial College, United Kingdom dijatuhi hukuman penjara

oleh Mahkamah Southwark Crown, London setelah mengaku bersalah atas 17 pertuduhan memiliki bahan pornografi kanak-kanak dengan niat untuk mengedarkannya.

Dia didapati bersalah memiliki ribuan video dan gambar lucah pornografi kanak-kanak, termasuk 601 imej 'Kategori A' yang menggambarkan hubungan seks dengan kanak-kanak bawah umur.

Sebelum ini, wujud kebimbangan dalam kalangan masyarakat apabila Nur Fitri yang didapati bersalah membabitkan jenayah pedofilia di London itu diterima mengikuti program pasca siswazah doktor falsafah di UKM selepas mendaftar untuk mengikuti pengajian itu sejak 2016.



WAN AZIZAH